

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
DIBACAKAN OLEH DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
TIMB. NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UniMAP
PADA MAJLIS PERSIDANGAN TAHUNAN ICOE 2014
PALM GARDEN RESORT HOTEL, PUTRAJAYA
6 NOVEMBER 2014**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam 1 Malaysia, Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berhormat P. Kalamanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II

Yang Berbahagia Profesor Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak Naib Canselor Universiti Utara Malaysia,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Arham Abdullah, Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia,

Dif-dif kehormat

Peserta-peserta Persidangan Tahunan ICOE 2014,

Seterusnya para hadirin yang saya hormati sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Marilah kita mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya juga dapat kita berhimpun pada majlis gilang-gemilang tiga dalam satu (*3-in-1*) iaitu :
 - a) *Pelancaran Pusat Kecemerlangan Industri (Kluster Perkhidmatan Kewangan),*
 - b) *Pelancaran dokumen Pelan Strategik Ringkas Pusat Kecemerlangan Industri (Kluster Penjagaan Kesihatan) dan*
 - c) *Persidangan Tahunan Pusat Kecemerlangan Industri 2014.*
2. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih saya ucapkan buat Yang Berhormat P. Kalamanathan, Timbalan Menteri Pendidikan II kerana walaupun dalam kesibukan tugas harian, beliau masih juga sudi meluangkan masa bersama kita pada hari ini.
3. Saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Bahagian Hubungan Industri, Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, kerana memberi kepercayaan kepada UniMAP untuk menjadi penganjur utama majlis ICoE yang julung kalinya dianjurkan bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Ucapan penghargaan juga dimajukan kepada rakan penganjur - Universiti Utara Malaysia, serta barisan sekretariat yang bertanggungjawab memastikan kelangsungan majlis hari ini. Semoga semua usaha dan inisiatif yang diambil mendapat keberkatan dan keredhaan Allah Azza Wajalla.

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Pusat Kecemerlangan Industri (atau singkatannya ICoE) telah mula diperkenalkan oleh Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2011. Ia bertujuan meningkatkan

hubungan antara universiti dan industri bagi membolehkan matlamat bersama kedua belah pihak direalisasikan.

6. Seperti yang diketahui, penubuhan ICoE bertitik-tolak dari Rangka Tindakan Kebolehpasaran Siswazah (**atau Graduate Employability Blueprint 2012 – 2017**). Ia merupakan usaha murni pihak KPT memantapkan peluang pekerjaan graduan dari Kolej Komuniti, Politeknik, serta Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta.
7. Atas dasar itu, ICoE berperanan membantu pihak industri dari segi pembangunan modal insan mengikut keperluan semasa. ICoE juga berusaha meningkatkan inisiatif pemindahan teknologi bagi memantapkan bidang penyelidikan, pembangunan, dan pengkomersilan, melalui skim usahasama Universiti Peneraju (atau *Lead University*) dengan Syarikat Tunggak (atau *Anchor Company*).
8. Ini bertepatan dengan objektif penubuhan ICoE yang mendukung dua aspek utama, iaitu Pembangunan Modal Insan, dan Pemindahan Teknologi Melalui Penyelidikan dan Pembangunan Industri-Akademia.
9. Justeru, apa yang digelar sebagai “**hub-spoke**” telah diwujudkan di seluruh negara. “**Hub**” melibatkan syarikat-syarikat utama serta IPT Peneraju, manakala “**spoke**” pula ialah pusat-pusat kerjasama lain (atau ‘collaborators’), yang terdiri daripada IPTA/IPTS, politeknik serta Kolej Komuniti.
10. Syarikat-syarikat yang berada dalam ekosistem ICoE juga bakal dilantik sebagai “spoke” bagi memantapkan lagi proses kerjasama industri-akademia ini.
11. Mengikut perancangan ICoE, program pembangunan modal insan bermula di tahun pertama pelajar. Ia melibatkan 4 komponen iaitu *Boot-Camp*, *Structured Internship Program*, *Industrial Training*, dan *Talent Development Program*. Selain pelajar, pensyarah turut terlibat dalam

program *Training of Trainers (ToT)* yang merupakan program berterusan yang melibatkan Syarikat Tunggak dan Universiti Peneraju.

12. Adalah diharapkan, melalui program ICoE ini, para graduan serta pensyarah mendapat manfaat melalui latihan dan pembelajaran yang telah dirangka. Saya yakin kedua-dua pihak, iaitu universiti dan industri, akan mendapat keuntungan bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi juga dalam aspek perolehan modal insan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi lagi berkaliber.
13. Di samping itu, idea pelaksanaan Persidangan Tahunan ICoE 2014 harus mendapat pujian kerana ia berfungsi sebagai platform yang dapat memantapkan ukhuwah kerjasama dan peluang kolaborasi antara industri dan akademia.
14. Wadah seumpama ini membolehkan berhimpunnya Universiti Peneraju, Syarikat Tunggak, politeknik, kolej komuniti, syarikat penyokong, dan lain-lain *collaborators* sebagai enjin penggerak yang mampu memberi impak kepada landskap pendidikan dan ekonomi negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Tanggungjawab memperkasakan sistem pendidikan negara perlu dipikul oleh semua pihak. Demi memastikan agar semua perancangan dapat dilaksana dengan cekap dan berkesan, kita seharusnya mengamalkan nilai dan semangat ‘collegiality’ yang murni, supaya apa jua cabaran ICoE yang bakal mendarat dapat ditangani dengan sebaik mungkin.
16. Insyaallah, melalui usaha ini, generasi rakyat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang dapat dibangunkan. Semoga persidangan ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

17. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekretariat penganjur, khususnya Prof.Madya Ir Mohabattul Zaman dan pasukannya, kerana telah bertungkus lumus bekerja keras dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.